



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**PENYERAGAMAN PENGGUNAAN ISTILAH JURUUKUR,
JURUUKUR TANAH DAN JURUUKUR TANAH BERTAULIAH
DALAM PEKELILING-PEKELILING YANG BERKAITAN DENGAN
PEMETAAN UTILITI DAN PENGIKTIRAFAN SIJIL KOMPETENSI
DALAM KERJA-KERJA UKUR PENGESANAN PEPASANGAN
UTILITI BAWAH TANAH**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Semua Pengarah Ukur Bahagian

Salinan Edaran Dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

Salinan Edaran Luaran:

Setiausaha Bahagian (Kanan)
Tanah, Ukur dan Geospacial
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Wisma Sumber Asli,
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Bahagian Penyelidikan dan Perundangan Teknikal
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 25 - 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA

Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Aras 13, Blok F5, Parcel F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA

Pengarah
Institut Tanah dan Ukur Negara,
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Behrang
35950 TANJUNG MALIM

Pengarah
Cawangan Jalan,
Tingkat 10, Blok F, Ibu Pejabat JKR,
Jln Sultan Salahuddin,
50582 KUALA LUMPUR

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Ukur Tanah,
Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Aras 19, No. 50, Menara PJD,
Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR

Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)
Level 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 KUALA LUMPUR

Presiden
Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia
2735A, Jalan Permata 4,
Taman Permata, Ulu Kelang,
53300 WP KUALA LUMPUR

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Semua Pengarah Ukur Bahagian

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**PENYERAGAMAN PENGGUNAAN ISTILAH JURUUKUR,
JURUUKUR TANAH DAN JURUUKUR TANAH BERTAULIAH
DALAM PEKELILING-PEKELILING YANG BERKAITAN DENGAN
PEMETAAN UTILITI DAN PENGIKTIRAFAN SIJIL KOMPETENSI
DALAM KERJA-KERJA UKUR PENGESANAN PEPASANGAN
UTILITI BAWAH TANAH**

Merujuk kepada perkara di atas, penggunaan istilah juruukur, juruukur tanah, juruukur tanah bertauliah atau Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) telah diimplementasikan sebelum ini dalam pekeliling-pekeling yang dikeluarkan bertujuan sebagai panduan dalam ukur pengesanan pemasangan utiliti bawah tanah. Pekeliling-pekeling yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- i) **Pekeliling KPUP Bil 1/2006** iaitu **Garis Panduan Mengenai Pemetaan Utiliti Bawah Tanah** dikeluarkan pada 6 Julai 2006 – menggunakan istilah juruukur tanah;
- ii) **Pekeliling KPUP Bil 1/2007** iaitu **Garis Panduan Ukuran Pemasangan Utiliti** dikeluarkan pada 30 April 2007- menggunakan istilah juruukur tanah;
- iii) **Pekeliling KPUP Bil 1/2013** iaitu **Garis Panduan Pengukuran Jajaran Utiliti Baru** dikeluarkan pada 29 Mac 2013 - menggunakan istilah juruukur tanah bertauliah;
- iv) **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil 7/2014** iaitu **Garis Panduan**

Pelaksanaan Pengukuran Ke Atas Jajaran Utiliti Bawah Tanah Semasa Pemasangan yang telah dikeluarkan pada 31 Disember 2014 - menggunakan istilah Juruukur Tanah Bertauliah;

- v) **Pekeliling KPUP Bil 1/2016** iaitu **Garis Panduan Kod Warna Dan Penandaan Bagi Pemetaan Utiliti Bawah Tanah** yang dikeluarkan pada 26 Ogos 2016 - menggunakan istilah juruukur; dan
- vi) **Pekeliling KPUP Bil 2/2016** iaitu **Garis Panduan Penerimaan Data Digital Dan Pelan Utiliti Dari Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) Oleh Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)** dikeluarkan pada 27 Oktober 2016 - menggunakan istilah Juruukur Tanah Bertauliah (JTB).

2. Lanjutan daripada perkara di atas, istilah juruukur, juruukur tanah, juruukur tanah bertauliah dan Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) telah menyebabkan timbulnya kekeliruan dikalangan pengamal profession ukur mengenai siapa sebenarnya yang boleh melaksanakan kerja-kerja **pengukuran pemasangan utiliti yang terdedah dan ukur pengesanan pemasangan utiliti bawah tanah**.

3. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan kekeliruan, Jabatan dengan ini menjelaskan bahawa istilah juruukur, juruukur tanah, juruukur tanah bertauliah dan Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) bagi maksud pekeling-pekeling di atas adalah merujuk kepada **Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458], Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Utiliti) dan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri**;

4. Bagi maksud pekeling-pekeling di atas, berkuatkuasa 10 April 2012, hanya **Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458]** yang mempunyai Sijil *Competency in Underground Utility Detection and Mapping* (CUUDM) atau Sijil *Competency in Underground Utility Detection Survey* (CUUDS), **Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan Utiliti) dan Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri** boleh melaksanakan:

- i) kerja-kerja **ukur pengesanan pemasangan utiliti bawah tanah** serta menyediakan, menandatangani dan mengesahkan pelan utiliti dan pelan siap-bina (*as-built plan*) bagi kerja-kerja yang berkaitan dengannya; dan
- ii) **pengukuran pemasangan utiliti yang terdedah** serta menyediakan, menandatangani dan mengesahkan pelan siap-bina (*as-built plan*) bagi kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

5. Manakala, **Juruukur Tanah yang dilesenkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458]** yang **tidak** mempunyai sijil kompetensi seperti di atas hanya boleh melaksanakan **pengukuran pemasangan utiliti yang terdedah sahaja** serta menyediakan, menandatangani dan mengesahkan pelan siap-bina (*as-built plan*) bagi kerja-kerja yang berkaitan dengannya.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada Bahagian Pemetaan Utiliti, JUPEM.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SR DR. AZHARI BIN MOHAMED)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia